



**TEKS UCAPAN  
DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS AGIHAN  
BUBUR LAMBUK PANTAI TIMUR  
KEPADA WARGA MAMPU**

**9 JULAI 2015 (KHAMIS)**

**1.00 PETANG HINGGA 2.00  
PETANG**

**RUANG LOBI MAMPU  
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum            Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Salam 1Malaysia, Salam Perpaduan  
dan Salam Ramadhan Al-Mubarak

Yang Dihormati Saudara Pengacara  
Majlis

Yang Berusaha Dr Aizi Razman Ismail,  
Timbalan Ketua Pengarah (TPP)  
MAMPU

Yang Berusaha Dr Suhazimah Dzazali,  
Timbalan Ketua Pengarah (TMK)  
MAMPU

Yang Berusaha Dr Zulkefli Ibrahim,  
Pengerusi Kelab MAMPU

Yang Berbahagia Datin Seri Nik  
Hasmah binti Nik Kadir,  
Pengerusi PUSPANITA Cawangan  
Kecil MAMPU

Ketua-ketua Perunding TMK Sektor  
Awam

Pengarah-Pengarah Bahagian dan Cawangan

Perunding-Perunding TMK Sektor Awam

Muslimin dan muslimat warga MAMPU yang saya kasihi sekalian.

Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya juga, dapatlah kita berhimpun pada tengah hari ini sempena Majlis Pengagihan Bubur Lambuk Pantai Timur kepada warga

MAMPU yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan MAMPU dengan kerjasama PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU dan Bahagian Khidmat Pengurusan.

Majlis Pengagihan Bubur Lambuk Pantai Timur ini merupakan sebahagian daripada program Ihya' Ramadan MAMPU 1436H. Ianya dinamakan sedemikian kerana bubur lambuk ini amat terkenal dalam kalangan masyarakat di negeri-negeri di Pantai Timur. Saya percaya penganjuran majlis seumpama ini sangat-sangat dituntut oleh Islam bagi

merapatkan ukhuwwah sesama muslim, khususnya dalam kalangan warga MAMPU, malahan usaha ini selaras dengan saranan baginda Rasulullah S.A.W melalui hadis yang diriwayatkan oleh Zaid bin Khalid Al-Juhhani r.a. yang bermaksud, *“Barangsiapa yang memberi makan (berbuka) kepada orang yang berpuasa, ia akan mendapat pahala seperti orang yang berpuasa itu dan pahala orang yang berpuasa itu tidak berkurangan walau sedikitpun.”*

Saya difahamkan bahawa Kelab Sukan dan Kebajikan MAMPU dengan

kerjasama PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU dan Bahagian Khidmat Pengurusan telah merancang pelbagai program dan aktiviti sempena bulan Ramadan 1436H seperti Forum Nuzul Al-Quran dan Majlis Iftar yang telah dilaksanakan pada 30 Julai 2015, Tadarus Al-Quran, kuliah mingguan, agihan bubur lambuk dan Majlis Khatam Al-Quran yang telah diadakan pada 8 Julai 2015. Saya berharap agar program Ihya' Ramadan yang dilaksanakan pada bulan yang mulia dan penuh dengan keberkatan ini dapat diteruskan dan dipergiatkan lagi pada masa-masa hadapan.

Sebelum mengakhiri ucapan pada tengah hari ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kelab Sukan dan Kebajikan MAMPU dan Bahagian Khidmat Pengurusan atas inisiatif yang dilaksanakan ini. Tidak ketinggalan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU kerana telah sudi menaja Bubur Lambuk Pantai Timur pada tahun ini. Saya difahamkan bubur lambuk ini telah dimasak sendiri oleh ahli PUSPANITA MAMPU. Saya juga berdoa semoga kita semua dipanjangkan umur, diberi kesihatan

yang baik dan berkesempatan lagi untuk menyambut bulan Ramadan seterusnya.

Selamat Berbuka Puasa.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi  
**Wabarakatuh.**